

UMS tekad jadi peneraju bidang penyelidikan

um 27.06.2012 26

KOTA KINABALU 26 Jun - Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertekad untuk menjadikan pusat pengajian itu sebagai pusat rujukan serantau bagi bidang penyelidikan terutama dalam membantu usaha kerajaan meningkatkan perancangan dasar pembangunan.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, UMS akan menjadikan kekayaan sumber alam di Sabah seperti marin, bidang akuakultur, rumpai laut dan hasil tanaman utama negeri iaitu kelapa sawit sebagai bahan penyelidikan utama.

Katanya, pihak universiti seharusnya mengenal pasti dan memajukan bidang-bidang penyelidikan yang relevan, istimewa dan endemik sesuai dengan sumber tempatan serta persekitarannya.

"UMS seharusnya mengambil kesempatan untuk melakukan penyelidikan dalam bidang kelapa sawit sebagai contoh kerana Sabah merupakan pengeluar utama kepada sumber pertanian itu di negara ini.

"Gabungan dan jalinan kajian sinergi pasti akan membantu usaha kerajaan dalam meningkatkan perancangan dasar pembangunan pada masa hadapan," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian amanat sulung Naib Canselor, di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Mansur dan Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd. Said.

Selain itu Mohd. Harun berkata, Sabah yang juga terkenal dengan keluasan alam marin harus diman-

faatkan sepenuhnya oleh penyelidik di universiti tersebut.

Jelasnya, gabungan pelbagai disiplin di UMS melibatkan penyelidik daripada bidang sains, perubatan, ekonomi dan sains sosial bakal memberi impak besar kepada penghasilan tujuan akhir sebuah penyelidikan kepada negara.

Sehubungan itu, beliau menyeru ahli akademik yang berkaitan di universiti tersebut untuk menjalankan kerjasama dalam menobatkan bidang marin dan maritim di negeri ini sebagai salah satu penyelidikan berimpak tinggi utama UMS.

"Warga akademik UMS harus berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan universiti ini sebagai peneraju dalam bidang penyelidikan dan inovasi berasaskan sumber alam tempatan," katanya.



MOHD. Harun Abdullah (tengah) menekan butang pada permukaan gajet sebagai simbolik pelancaran laman web baru UMS di Kota Kinabalu, kelmarin.